



▲ Volvo XC40 Recharge Pure Electric tawar pemanduan mengujakan, sambil menjaga alam sekitar.

Kereta elektrik sebenar



Volvo XC40 Recharge Pure Electric terbukti berkuasa

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Baru-baru ini, penulis diberi peluang memandu uji Volvo XC40 Recharge Pure Electric yang baharu dilancarkan di Malaysia.

Satu benda yang cukup merisaukan penulis ketika memandu uji kereta elektrik sepenuhnya di Malaysia. Tidak lain tidak bukan ialah stesen pengecasan.

Ini kerana tidak banyak tempat pengecasan awam berbayar yang wujud terutamanya di kawasan pinggir dan luar bandar.

Mujurlah penulis menetap di Putrajaya dan ada dua lot pusat pengecasan di Presint 16 (itupun satu lot tidak berfungsi) tetapi kuasa yang ditawarkan adalah agak rendah.

Untuk mengecap penuh daripada baki 30 peratus mengambil masa lebih 5 jam!. Jadi penulis terpaksa meninggalkan XC40 Recharge Pure Electric dan berbasikal pulang ke rumah. Mujurlah basikal lipat penulis muat dengan but belakang model ini (selepas tempat duduk belakang direbahkan).

Volvo Car Malaysia ada menyediakan kabel untuk pengecasan di rumah tetapi mustahil untuk digunakan memandangkan penulis menetap di kediaman bertingkat.

Pengalaman dihadapi ekoran isu pusat pengecasan tidak akan

membayangi pengalaman buat kali pertama penulis memandu uji kereta elektrik penuh XC40 Recharge Pure Electric.

Untuk rekod, model 'cantik molek' ini adalah sebahagian daripada wawasan global Volvo untuk menjadi syarikat elektrik sepenuhnya menjelang 2030.

Ia juga menandakan komitmen jitu yang sehingga ke hari ini menjadikan Volvo sebagai satu-satunya pengeluar automotif di Malaysia yang menghasilkan model dengan pemasangan tempatan (CKD) bagi rangkaian hibrid plug-in (PHEV).

XC40 Recharge Pure Electric adalah EV pertama Volvo di Malaysia, di mana jenama kereta mewah pertama di negara ini yang membuat pemasangan tempatan EV dalam bentuk unit CKD.

Kuasa tiada bandingan

Dibina di atas platform SUV premium kecil XC40, XC40 Recharge Pure Electric menampilkan penjana kuasa pacuan semua roda elektrik sepenuhnya yang menawarkan jarak pemanduan sehingga 418 kilometer (km) dalam sekali caj.

Pengenalan XC40 Recharge Pure Electric menandakan kejayaan Volvo



▲ SUV elektrik penuh ini cukup agresif seperti gerakan tentera elit menyerang musuh.

Car Malaysia, dalam usahanya ke arah menjadi syarikat neutral-iklim menjelang 2040.

Meneruskan pencapaian bersejarah Volvo Car Malaysia, XC40 Recharge Pure Electric bagi pasaran Malaysia adalah unit CKD pemasangan tempatan.

Syarikat automotif premium itu juga akan mengeksport kenderaan elektrik sepenuhnya ke pasaran dalam rantau ASEAN tidak lama lagi.

Dengan keupayaannya memasang kereta elektrik penuh menerusi kilang pemasangan tempatan miliknya sendiri, Volvo Malaysia akan melancarkan satu model kenderaan elektrik baru di Malaysia pada setiap tahun untuk tempoh lima tahun akan datang.

Kejuruteraan termaju Volvo diterapkan sepenuhnya dalam Volvo XC40 Recharge Pure Electric.



Info

Volvo XC40 Recharge Pure Electric

Harga atas jalan tanpa insurans : RM262,659.75

Kuasa maksimum motor elektrik 300kWj

408hp, tork 660Nm

Kelajuan maksimum 180 km/j

Pecutan 0-100 km/j : 4.9 saat

Jenis bateri : Lithium-ion Nickel rich NCM

Kapasiti bateri : 78kWj

Purata penggunaan elektrik : 25.5 kWj/100km

